BAB 10: SUMBER HUTAN

Praktis PT3

Bahagian A : Praktis Objektif

1 Apakah kepentingan pengurusan sumber hutan
I Mengelakkan kepupusan sumber
II Menambahkan pendapatan negara
III Menambahkan import bahan mentah
IV Menjamin bekalan sumber berterusan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2 Maklumt berikut tentang kepentingan sumber hutan sebagai bahan mentah

- Membuat perabot dan papan lapis

Apakah sumber hutan yang diperlukan untuk tujuan di atas?
A Kayu keras
B Batang nibung
C Rotan dan buluh
D Daun mengkuang

3 Apakah fungsi hutan kepada masyarakat setempat?
A Sumber makanan
B Melindungi kepelbagaian biologi
C Pembinaan kawasan ekopelancongan
D Mengekalkan keseimbangan ekosistem

4 Maklumat berikut merujuk kepada pengurusan sumber hutan.

- Menjaga tanah lembap khususnya hutan paya bakau yang mempunyai pelbagai jenis kehidupan

Apakah kawasan tersebut ?
A Geopark
B Taman negara
C Tapak ramsar
D Hutan simpan

5 Apakah kesan pengurusan sumber hutan kepada alam sekitar?
A Kejadian hakisan tanih
B Keseimbangan ekosistem
C Kepupusan flora dan fauna
D Peningkatan kesubutan tanih

6 Apakah tujuan utama mewartakan taman negara ?
A Memelihara flora dan fauna
B Menjaga kualiti kayu balak
C Meluaskan kawasan pemburuan
D Mengehadkan kegiatan pembalakan

7 Berikut ialah usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan

- Berkonsep teknologi hijau
- Bandar dalam taman

Apakah usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan tersebut?
A Geopark
B Taman negara
C Tapak Ramsar
D Pembangunan lestari

8 Maklumat berikut adalah peranan sebuah agensi berkaitan sumber hutan.

- Melindungi hidupan liar di Malaysia

Apakah agensi tersebut?
A PERHILITAN
B Jabatan Alam Sekitar (JAS)
C Sahabat Alam Malaysia (SAM)
D Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM)

9 Apakah peranan WWF?
A Memelihara kepelbagaian biologi
B Melaksanakan polisi hutan negara
C Mengurus perdagangan sumber hutan
D Menggalakkan perlindungan tanah lembap

LIVEWORKSHEETS

BAB 11: KITAR SEMULA

Praktis PT3

Bahagian A : Praktis Objektif

1 Apakah yang dimaksudkan dengan 3R?
- A Guna semula, kitar semula, perbaiki
- B Kurangkan, fikir dahulu, kitar semula
- C Guna semula, kitar semula, fikir dahulu
- D Kurangkan, guna semula dan kitar semula

2 Pernyataan berikut merupakan aktiviti

> Menggunakan semula barangan secara berulang kali untuk mengurangkan penghasilan sisa

Apakah elemen kitar semula yang berkaitan dengan pernyataan di atas?
- A *Reuse*
- B *Reduce*
- C *Recycle*
- D *Rename*

3 Amalan-amalan yang berikut boleh menjimatkan penggunaan

> - E-mel
> - Pesanan ringkas (SMS)

- A kain
- B kaca
- C kertas
- D plastik

4 Apakah kepentingan kitar semula?
- I Menjimatkan sumber semula jadi
- II Mengurangkan kesan rumah hijau
- III Menggalakkan amalan jimat berbelanja
- IV Meningkatkan jumlah pengeluaran sisa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5 Apakah kesan amalan kitar semula terhadap penggunaan sumber semula jadi?
- A Menjimatkan sumber semula jadi
- B Mengurangkan harga sumber semula jadi
- C Mengurangkan eksport sumber semula jadi
- D Menambah aktiviti penerokaan sumber semula jadi

6 Apakah fungsi tong sampah dalam foto berikut?

- A Mengumpul sisa pepejal untuk dibakar
- C Mengasingkan sisa pepejal mengikut kategori
- B Mengasingkan sisa pepejal mengikut tarikh luput
- D Mengumpul sisa pepejal untuk dikutip oleh pihak berkuasa

7 Di manakah program kitar semula berikut dilaksanakan?

> - Program *Waste 21*
> - Program Cukai Sisa

- A Jepun
- B Jerman
- C Sweden
- D Denmark

LIVEWORKSHEETS